

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**
[TUMPAT]

TARIKH : **23 MEI 2016**

SOALAN : **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]**
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan apakah hasil-hasil penting
Sidang Kemuncak Pertubuhan Negara-
Negara Islam (OIC) di Istanbul.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Delegasi Malaysia yang diketuai oleh YAB Perdana Menteri telah mengambil bahagian secara aktif semasa Sesi Ke-13 Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam (*Organization of Islamic Cooperation – OIC*) yang telah diadakan di Istanbul, Turki pada 14 dan 15 April 2016, dengan tema '*Unity and Solidarity for Justice and Peace*'.

3. Hasil daripada Sidang Kemuncak OIC ini, negara-negara anggota OIC telah menerima-pakai Kenyataan Akhir (*Final Communique*) yang telah menggariskan pendirian bersama OIC mengenai isu-isu yang berkepentingan kepada negara-negara anggota OIC dan umat Islam. Antara elemen utama adalah mengenai masalah komuniti minoriti Islam di Selatan Filipina dan Selatan Thailand, serta kaum Rohingya di Myanmar. Dalam hal ini, OIC telah menegaskan pentingnya agar penyelesaian jangka panjang dicari agar keamanan dan kestabilan dapat diwujudkan, yang seterusnya dapat menyumbang kepada kesejahteraan umat Islam. OIC turut memuji peranan Malaysia sebagai fasilitator bagi proses damai di Selatan Filipina dan Selatan Thailand.

4. Selain itu, Sidang Kemuncak OIC tersebut telah menerima-pakai Resolusi mengenai isu Palestin dan Al-Quds Al-Sharif. Dalam hal ini, negara-negara anggota OIC mengutuk sekeras-sekerasnya pencerobohan dan penempatan haram (*illegal settlements*) di Palestin. Ia

juga menegaskan komitmen kukuh OIC dalam menegakkan hak-hak rakyat Palestin yang ditindas berterusan oleh rejim Israel. Di samping itu, negara-negara anggota OIC diseru untuk menyokong dan menggiatkan lagi sebarang program pembangunan ekonomi untuk rakyat Palestin.

5. Sidang Kemuncak OIC tersebut juga telah menerima-pakai Program Tindakan Sepuluh Tahun OIC, yang merupakan program strategik sepuluh tahun yang kedua bagi OIC, untuk tempoh 2016 hingga 2025. Ia merangkumi kaedah-kaedah dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk melaksanakan wawasan strategik OIC sebagai agen keamanan dan pembangunan. Ia memberi penekanan kepada aspek ekonomi dan sosio-budaya. Dalam hal ini, negara-negara anggota OIC diseru untuk memastikan kaedah-kaedah yang telah dikenalpasti dapat dilaksanakan dengan berkesan dan jayanya.

6. Di samping itu, Sidang Kemuncak OIC tersebut telah berjaya menonjolkan kepentingan perpaduan dan kebersamaan sesama negara anggota dalam menghadapi cabaran-cabaran semasa, selaras dengan tema yang telah dipilih. Dalam hal ini, negara-negara anggota OIC telah bersepakat untuk menitik-beratkan aspek perpaduan dan kebersamaan dalam usaha untuk mencapai objektif OIC sebagai agen keamanan dan pembangunan, demi kesejahteraan umat Islam.

7. Penyertaan Malaysia ke Sidang Kemuncak OIC tersebut telah berjaya meningkatkan lagi profil Malaysia sebagai sebuah negara anggota OIC yang komited dan sentiasa menyokong objektif-objektif pertubuhan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN : 98

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kelemahan proses membuat keputusan yang menyebabkan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) mengeluarkan Lesen Penerbangan Udara (ASL) dan Sijil Operator (AOC) kepada Rayani Air pada permulaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, keputusan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dalam pengeluaran Sijil Pengendali Udara (*Air Operator's Certificate - AOC*) dan Lesen Penerbangan Udara (*Air Service License – ASL*) kepada syarikat Rayani Air Sdn. Bhd. (Rayani) dibuat setelah syarikat ini memenuhi syarat-syarat dan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.